

MALAYSIA DALAM PETA TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO

Walaupun Malaysia sebuah negara kecil berbanding negara lain di dunia, ia kaya dengan keunikan khazanah alam dan warisan sejarah yang tidak ternilai. Kelebihan ini melayakkan Malaysia mendapat beberapa pengiktirafan peringkat antarabangsa di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) iaitu Tapak Warisan Dunia Unesco.

Setakat ini, Malaysia merekodkan lima pengiktirafan Tapak Warisan Dunia Unesco iaitu Taman Negara Gunung Mulu di Sarawak, Taman Kinabalu di Sabah, Lembah Lenggong di Perak, bandar raya Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang. Tiga lokasi lagi dalam senarai pencalonan baharu sebagai tapak warisan dunia Unesco. Pencapaian ini meletakkan Malaysia sebaris dengan negara lain yang pernah menerima pengiktirafan itu.

DEFINISI TAPAK WARISAN DUNIA

Sesuatu tempat yang mempunyai nilai tinggi sejarah dan diwarisi daripada generasi terdahulu.

Memiliki ciri-ciri budaya atau fizikal yang unik.

Contohnya hutan, gunung, tasik, padang pasir, monumen, bangunan, kompleks dan bandar.



KRITERIA UMUM DISENARAIKAN SEBAGAI LOKASI TAPAK WARISAN DUNIA:

Mempunyai keunikan nilai sejarah yang universal dalam perkembangan ketamadunan manusia.

Terdapat bangunan, aritektur dan teknologi yang menunjukkan sejarah perkembangan manusia

Berfungsi sebagai tempat untuk meneruskan kelestarian ekosistem alam semula jadi manusia.



1 LEMBAH LENGGONG, PERAK


Diiktiraf sebagai tapak warisan dunia Unesco pada 30 Jun 2012.

Menjadi tapak warisan dunia keempat di Malaysia.

Arkeologi Lembah Lenggong mempunyai tarikh signifikan kewujudan manusia pra-sejarah di Asia Tenggara.

Kawasan arkeologi paling tua di Asia Tenggara.

Penemuan rangka manusia tertua Malaysia iaitu Perak Man, dipercayai



Masjid Lebuah Aceh



berusia 10,000 hingga 11,000 tahun pada 1990.

Peralatan batu berusia 100,000 tahun juga ditemui di kawasan lembah ini.

GUA GUNUNG RUNTUH

Lokasi rangka Perak Man ditemui pada 1991




PEKAN LENGGONG
PERAK

Bukit Bunuh
Kampung Banggol Belimbing
Muzium Arkeologi Lenggong
Kampung Baru Kota Tampan



Rangka Perak Man

Gambaran semula wajah Perak Man oleh sekumpulan penyelidik USM



5 BANDARAYA MELAKA



2

GEORGETOWN, PULAU PINANG


Tapak Warisan Dunia Unesco pada 7 Julai 2008.

Sejak 2010, 7 Julai diisytiharkan cuti umum bagi pulau Pinang sempena pengisytiharan - Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia.

Georgetown ialah kota budaya yang kaya dengan sejarah menarik. Bandar berkeluasan 260 hektar ini ditubuhkan pada 1839.

Tempat bersejarah menarik di Georgetown seperti Masjid Kapitan Keling, Masjid Lebuah Acheh, Padang Kota Cornwallis, Jeti Kampung Kongs (Clan Jetty dan Chew Jetties) dan Padang Kota Lama.

Fort Cornwallis





WARTAWAN
Nor'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my



GRAFIK
Salim Dawam
norsalim@hmetro.com.my

3

TAMAN KINABALU, SABAH

Diwartakan sebagai Taman Warisan Dunia Unesco pada 2 Disember 2010.

Tarikan utama ialah Gunung Kinabalu yang dianggarkan berusia 10 juta tahun.

Berkeluasan 780km persegi. Taman ini kaya dengan pelbagai spesis flora dari Himalaya, Australia dan China.

Mempunyai pokok tirus seperti pokok pain, sprus dan gelam gunung.



Labuan

KOTA KINABALU

SABAH

BRUNEI

SARAWAK

KUCHING

4

TAMAN NEGARA GUNUNG MULU, SARAWAK

4 TAMAN NEGARA GUNUNG MULU, SARAWAK

Diwartakan sebagai Taman Warisan Dunia Unesco pada November 2000.

Taman negara terbesar di Sarawak dengan keluasan kira-kira 529 kilometer (km) persegi.

Terdapat kepelbagaian jenis tumbuhan dan hidupan liar menarik serta unik.

Pengunjung boleh mencuba laluan kanopi Mulu sepanjang 480 meter (m) iaitu laluan pokok terpanjang di dunia.

Memiliki bentuk geografi unik yang terdiri daripada gua batu kapur, lingkaran air batu jernih dan dilitupi hutan dara tropika.

Dikelilingi tiga gunung iaitu Gunung Mulu, Gunung Api dan Gunung Benarat.

Mercu tanda Gunung Mulu ialah Puncak Pinnacles.

Gunung Mulu
2376m

◀ Puncak Pinnacles

SENARAI PENCALONAN BAHARU SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO



TAMAN NEGARA ROYAL BELUM (SENARAI DIHANTAR PADA FEBRUARI 2017)

Meliputi kawasan hutan simpanan seluas 300,000 hektar.

Berusia 100 tahun, menjadikannya satu daripada hutan hujan tertua di dunia.

Terdapat tumbuhan Rafflesia tumbuh meliar di taman negara ini. Taman negara ini menjadi habitat kepada spesies burung enggang terbanyak di dunia.

Turut memiliki 80 spesies mamalia termasuk gajah Asia, harimau Malaya, seladang Malaya, tapir Malaya, harimau bintang, kucing tulap dan pelbagai spesies kucing lain.



PERMATANG KUARZA GOMBAK (SENARAI DIHANTAR PADA FEBRUARI 2017)

Adalah Hutan Simpan Ulu



5 BANDAR RAYA MELAKA

Diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco pada 7 Julai 2008.

Pengiktirafan bandar Melaka ini menjadi simbol kegemilangan sejarah Malaysia. Berkeluasan 288.10 hektar.

Porta de Santiago (pintu Santiago)

Salah satu pintu masuk ke Kota A Famosa dibina Portugis yang masih kekal



GAMBARAN KOTA MELAKA PADA ERA PENGUSAHAAN PORTUGIS 1511 -1641 ▶



1. Pintu S. Domingos
2. Pintu S. Antonio
3. Pintu S. Santiago
4. Pintu Alfundega
5. Hospital rakyat
6. Gereja Saint Paul
7. Kubu A Famosa
8. Hospital Diraja

Diiktiraf berdasarkan tiga kriteria nilai warisan sejagat:

- Bandar pelabuhan di timur dan di Asia Tenggara
- Contoh bandar mempunyai kepelbagaian warisan kebudayaan, tradisi Asia dan pengaruh Eropah.
- Masih mencerminkan percampuran pelbagai pengaruh yang menghasilkan keunikan daripada segi seni bina budaya dan reka bentuk bandar.

Gombak Tambahan 1.
Permatang kuarza terpanjang di Asia Tenggara iaitu kira-kira 14km dan kelebaran antara 50 hingga 200m.
Terbentuk daripada bendalir hidroterma batuan granit melalui rejaman berbentuk 'dyke' di sepanjang sesar Kuala Lumpur dan kini dianggarkan berusia antara 122 hingga 200 juta tahun
Tiga punca di permatang ini ialah Bukit Batu Tabur setinggi 534m, Bukit Rata (367m) dan Bukit Batu Chondong (322m).



PUSAT KAWALAN KUSTA SUNGAI BULOH, SELANGOR

Kawasan ini pernah menjadi penempatan kedua terbesar di dunia untuk pesakit kusta. Mempunyai banyak sejarah dan pencapaian bidang perubatan, khususnya untuk penyakit kusta.
Di pusat ini, vaksin mencegah kusta ditemui daripada sejenis pokok berbuah dikenali sebagai pokok setumpol.
Buah daripada pokok ini dijadikan sebagai penawar pesakit kusta.